



JABATAN PERTANIAN MALAYSIA
Bahagian Kawalan Racun Perosak dan Baja
Wisma Tani, Tingkat 4-6
Jalan Sultan Salahuddin
50632 KUALA LUMPUR
MALAYSIA

Tel: 603-2030 1400
Faks: 603-2691 7551
Laman Web: www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP/KRP/207/12/656/2
(Our Ref.) Jld.VI (79)
Tarikh : 14 Oktober 2019
(Date)

KEPADA YANG BERKENAAN

SURAT PEKELILING LEMBAGA RACUN MAKHLUK PEROSAK BILANGAN 4 TAHUN 2019

Akta Racun Makhluk Perosak 1974 Pembatalan '*Minor Change*' Dalam Komposisi Produk

TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Syarikat Pendaftar Racun Makhluk Perosak mengenai Pembatalan '*Minor Change*' Dalam Komposisi Produk yang telah didaftarkan.

JUSTIFIKASI

Di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974, Seksyen 2(2)(c) dan *Guidelines on Registration of Pesticides 2005*, Perenggan *Registration (c)*, menyatakan bahawa sesuatu racun makhluk perosak hendaklah disifatkan sebagai suatu racun makhluk perosak yang berlainan daripada suatu racun makhluk perosak lain jika perawis-perawis racun makhluk perosak itu adalah berlainan daripada perawis-perawis racun makhluk perosak yang satu lagi itu pada segi jenis, bilangan, kadar, kepekatan, atau lain-lain; dan mesti didaftarkan secara berasingan.

Setelah disemak bersama Penasihat Undang-undang Kementerian, perkara ini didapati tidak seiring dengan peruntukan yang dinyatakan di dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974. Pihak Penasihat Undang-undang turut menasihatkan Lembaga supaya perkara ini tidak diteruskan bagi mematuhi peruntukan yang sedia ada termaktub di dalam Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan pada keputusan Mesyuarat Lembaga Racun Makhluk Perosak ke-86 yang telah bersidang pada 30/8/2019, Lembaga memutuskan untuk tidak lagi membenarkan sebarang perubahan atau '*minor change*' bagi produk racun makhluk perosak yang telah berdaftar.

PEMBATALAN

Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling ini, maka Surat Pekeliling JP/KRP/207/12/656/2 Jld. VI (62) bertarikh 15 Oktober 2015: Perubahan Komposisi Produk Yang Telah Berdaftar **adalah dibatalkan.**

TARIKH KUATKUASA

Tarikh kuatkuasa Surat Pekeliling ini adalah **serta-merta** iaitu pada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHAMMAD NAZRUL FAHMI BIN ABDUL RAHIM)

Setiausaha

Lembaga Racun Makhluk Perosak

s.k :

Pengarah Eksekutif

Malaysian CropLife & Public Health Association (MCPA)